



Prof Datuk
Dr Musa
Ahmad

'Semangat cintakan USIM beri kekuatan'

Pelantikan Prof Datuk Dr Musa Ahmad sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang keempat, Ogos lalu, membuka lembaran tersendiri dalam pelaksanaan agenda universiti itu untuk memacu kecemerlangan ke peringkat lebih tinggi. Sebagai ahli akademik yang aktif menjalankan penyelidikan, terutama dalam bidang sains, beliau disandarkan harapan untuk meneruskan

kesinambungan usaha melonjakkan prestasi USIM antara lain dari segi penjana ilmu baharu dan penghasilan inovasi berimpak tinggi seiring peningkatan pembangunan ummah. Beliau berkongsi pandangan dan azamnya untuk memastikan legasi kecemerlangan USIM berkembang secara holistik seperti yang disampaikan kepada wartawan Varsiti, Noor Azlina Zainudin.

S: Tahniat atas pelantikan Prof sebagai Naib Canselor baharu USIM. Apakah pandangan Prof mengenai peranan USIM selama ini?

J: Terima kasih. Saya menganggap pelantikan ini sebagai peluang meneruskan legasi kecemerlangan USIM secara holistik selaras dengan manifestasi kerajaan untuk melahirkan pemimpin Islam berwibawa serta dapat memelihara kepentingan negara dan umat Islam sepenuhnya.

Selama ini, kita ada ramai pelajar aliran agama tetapi mereka melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah sebaik tamat persekolahan kerana mahu mengekalkan pengajian Islam dan bahasa Arab. Ada juga pelajar yang dihantar oleh ibu bapa mereka ke universiti tempatan untuk menceburi bidang profesional seperti kedoktoran, guaman dan sains.

Wujud jurang antara kedua-dua golongan ini. Bagi yang pergi ke Timur Tengah seperti paling popular Universiti Al-Azhar di Mesir, mereka kembali sebagai golongan berpendidikan agama dan dihormati masyarakat. Pelajar menamatkan pengajian di universiti tempatan pula memiliki kepakaran tinggi dalam bidang profesional yang diceburi tetapi mungkin mengalami pencairan dari segi penguasaan bahasa Arab mahupun hafazan.

Jurang inilah yang ingin dihapuskan kerajaan ketika mewujudkan USIM pada tahun 2007 sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12 di

Malaysia. Sebuah IPTA perlu diwujudkan untuk mengarus-perdanakan lepasan sekolah agama dan dibentuk menjadi graduan seimbang yang bukan sahaja bagus sebagai pemimpin agama tetapi juga memiliki tahap profesionalisme tinggi.

Bagi tujuan itu, kurikulum USIM dibentuk dengan cara sangat unik, iaitu menawarkan perspektif pendidikan berpaksikan integrasi ilmu naqli (bersumberkan wahyu al-Quran dan hadis) dan aqli (rasional).

USIM lahir tanpa pertindihan dengan IPTA sedia ada kerana universiti ini memiliki bidang kebitaraan tersendiri bukan saja dalam bentuk akademik tetapi juga penyelidikan, aktiviti pelajar dan modul latihan. Inilah keunikan kami.

S: Perancangan Prof selepas ini?

J: Saya sangat bersyukur dan bertuah kerana tiga Naib Canselor terdahulu sudah membina asas kukuh, justeru sekarang masa untuk saya meneruskan kesinambungan usaha sebelum ini.

Sasaran terdekat ialah menjadikan USIM sebagai pusat rujukan integrasi naqli dan aqli terkemuka serantau pada tahun 2016, disusuli ke peringkat global menjelang tahun 2025.

Sebelum itu, kita perlu melahirkan graduan yang memiliki kombinasi lulusan Universiti Al-Azhar dan universiti konvensional. Mereka perlu profesional tetapi pada masa yang sama menjadi pakar rujuk dalam pengajian Islam.

Alhamdulillah, situasi ini berlaku. Contohnya, graduan perubatan yang bertugas sebagai doktor diberi kepercayaan untuk menjadi imam sembahyang tarawih, mengetuai upacara korban, menguruskan jenazah dan sebagainya. Hal ini menunjukkan kumpulan graduan terbabit seimbang dari aspek profesionalisme dan keagamaan. Inilah hasrat kerajaan ketika menubuhkan USIM dulu.

Bagi mencapai sasaran tahun 2016 itu, saya meneruskan kesinambungan langkah yang diambil mantan pemimpin terdahulu, selain mengatur pelbagai strategi baharu untuk mengangkat nama USIM, terutama dalam bidang sains Islam.

Langkah agresif perlu diambil kerana untuk menjadi pusat rujukan serantau, USIM harus nampak kemas dan teratur. Ini adalah supaya rakan IPT serantau menyedari keperluan untuk mereka bekerjasama dengan kami.

S: Sejauh manakah perkembangan jaringan global USIM dengan IPT luar negara?

J: Jaringan kerjasama kami dengan IPT luar negara agak kukuh dan menuju landasan yang betul.

Sebagai contoh, USIM menjadi peneraju kepada penubuhan Konsortium Pengajian Tinggi Institusi Islam, Kualiti Akademik dan Kemajuan Penyelidikan (I-IQRA) dalam usaha memacu kemajuan pelbagai bidang berteraskan Islam.

titusi Pengajian Tinggi Islam (SeIPT) bagi membincangkan isu berkaitan pengajian tinggi Islam. Hubungan ini akan terus berkembang untuk memantapkan semua pihak, khususnya umat Islam sejagat.

Selain itu, USIM juga memiliki jaringan antarabangsa dengan beberapa universiti serta institusi pendidikan di Indonesia, Thailand, Singapura, Australia, Bangladesh, Maldives, China, Afghanistan, India, Palestin, Jordan, Arab, Mesir dan sebagainya.

Hubungan erat dengan madrasah dan pondok agama di Singapura, Indonesia serta Thailand pula memberi peluang lepasan mereka melanjutkan pelajaran di USIM. Perkara ini selari dengan hasrat melahirkan graduan seimbang sama ada untuk Malaysia atau negara Islam lain.

S: Apakah pandangan Prof terhadap penerimaan dan kerjasama seluruh warga USIM dalam menjayakan segala perancangan yang sudah diatur?

J: Alhamdulillah, saya sangat bersyukur kerana diberi peluang menjadi pemimpin di sebuah universiti Islam hebat seperti USIM.

Saya berkata begini kerana warga USIM terdiri daripada barisan tenaga kerja energetik

dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran serta berubah ke arah kebaikan. Pelajar juga sentiasa berusaha memajukan diri dalam segala aspek akademik mahupun kokurikulum.

Walaupun pada mulanya saya sangat gementar kerana diberi kepercayaan besar menerajui USIM, perasaan itu hilang dengan cepat kerana warga kampus sentiasa ada bersamasama saya, menyokong dan saling membantu dalam memikul tanggungjawab berat ini.

Bak kata pepatah, berat sama dipikul ringan sama dijinjing, begitulah yang saya rasai setelah tiga bulan mengemudi USIM. Semangat cinta akan USIM yang lahir dalam jiwa setiap warganya memberi kekuatan untuk kami saling berusaha ke arah kecemerlangan. Semoga budaya ini kekal sampai bila-bila.

S: Harapan Prof terhadap USIM?

J: USIM ialah agenda besar. Sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing, kita boleh membawa dan melekatkannya pada tempat yang sepatut.

Insya-Allah dengan bantuan seluruh warga kampus, kita boleh menggerakkan USIM ke tahap lebih tinggi. Kita perlu bersedia mengorak langkah melonjakkan tahap dan kebolehan untuk menjana ilmu baharu dan menyebarkan serta menterjemah ilmu secara progresif.

USIM perlu terus mengorak langkah mempertingkatkan kepelbagaian aktiviti yang menggabungkan ilmu naqli dan aqli sebagaimana yang terkandung dalam visi serta misi universiti ini.

Ekosistem akademik, penyelidikan dan inovasi akan diperluas supaya kecemerlangannya terserlah demi menjadikan USIM sebagai pusat pakar rujuk global untuk sains Islam menjelang tahun 2025.

Kesejahteraan pelajar akan sentiasa diberi perhatian bagi melonjakkan nama USIM dalam arus perdana dan persada dunia. Masyarakat menaruh harapan kepada USIM untuk menzahir dan memacu bidang sains Islam, justeru kita perlu menjadi model yang boleh dicontohi.

